



MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH



KERTAS KERJA

*Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah :
Teras Kemantapan Berakidah*

Disediakan oleh:

Y.Bhg. Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohamad Shukri bin Mohamad

25 JANUARI 2016M 15 Rabiulakhir 1437H
(ISNIN)

AMAN JAYA CONVENTION CENTRE, CASUARINA@MERU
BANDAR MERU RAYA, IPOH, PERAK

**ALIRAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH:
TERAS KEMANTAPAN BERAKIDAH**

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على خاتم الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه، صفة الأمة من خلقه، ومن اهتدى بهديه، وسار على نهجه
إلى يوم الدين.

PENDAHULUAN

Persoalan Ahli Sunnah Wal Jamaah sudah banyak ditulis diperkatakan dan dikupaskan secara mendalam oleh para cendekiawan dan para pemikir Islam antarabangsa mahupun tempatan. Oleh yang demikian, penulisan ini tidak bercadang untuk mengulang tayang huraian-huraian dan polemik-polemik yang melibatkan persoalan berkenaan dalam corak dan persepsi yang sedemikian, bahkan perbincangan ini akan cuba memberikan kupasan semasa setakat yang termampu terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah dan relevansinya dalam mendepani saat-saat yang tidak menentu dan gawat yang berlaku kepada dunia Islam amnya dan alam Melayu Islam khususnya; kegawatan lama nampaknya terus melanjut dan kini ditambah dengan kegawatan-kegawatan baru. Hal ini pernah diingatkan oleh Rasulullah (s.a.w) melalui sabdanya:-

**فَانَّهُ مَنْ يَعْشُ مِنْكُمْ مَنْ بَعْدِي فَسَيِّرْ كَثِيرًا فَعَلَيْكِ بِسَنْتِي وَسَنَةِ الْخَلْفَاءِ
الْمُهَدِّبِينَ الرَّاشِدِينَ تَمْسَكُوا بِهَا وَاعْضُوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ .**

Secara ringkasnya, yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam perbincangan ini ialah ajaran, amalan dan manhaj kehidupan beragama yang diterima daripada Nabi (s.a.w) dan para Sabahatnya yang termanifestasi dalam generasi-generasi penerus kesinambungan ajaran-ajaran dan amalan-amalan yang berpegang kepada dasar hidup Nabi dan para sahabatnya. Dasar dan amalan inilah yang kemudiannya berkembang di kalangan para ulama ahli Sunnah dalam pelbagai disiplin ilmu yang telah diformalkan; yang dihuraikan oleh tokoh-tokoh dalam bidang tafsir Quran, qira`at, hadith dan cawangan-cawangannya, usul al-din, fiqh, usul al fiqh, akhlak dan tasawwuf, termasuk falsafahnya, demikian seterusnya dengan pelbagai cawangan dan disiplin ilmu, antaranya sebagaimana yang dihuraikan dalam Ibn Khaldun, 'Abdul Qahir al-Baghdadi, Syahrastani dan lain-lain.

Dalam konteks sejarah Islamisasi rantau ini, umat Islam rantau ini sejak lama dulu telah membuat pendirian untuk menganut faham Ahli Sunnah wal Jamaah. Fahaman ini termanifestasi dalam keseluruhan tasawwsur Islam tetapi lebih tertonjol dalam tiga bidang ilmu Islam yang penting iaitu aqidah, fiqh dan tasawwuf. Dalam aqidah dua Imam yang masyhur menghuraikan disiplin aqidah secara sistematik iaitu Imam Abdul Hassan al-Asy'ariyy dan Imam Abu Mansur al-Maturidiyy menjadi tokoh-tokoh ikutan walaupun aliran al Asya'rah lebih dominan dan mendapat tempat; manakala dalam fiqh pula sekurang-kurangnya empat Imam mazhab yang tersohor menjadi ikutan umat nusantara walaupun mazhab Syafi'e lebih mendominasi kebanyakan aspek fiqh. Dalam disiplin tasawwuf, Imam al- Ghazzaliyy, Junaid al-Baghdadiyy, al-Qushairi, dan lainnya mendapat tempat walaupun yang lebih dominannya adalah pengaruh al-Ghazzaliyy khususnya pada alam nusantara ini.

Sememangnya sudah menjadi satu resolusi di kalangan ramai sarjana Islam tempatan bahawa Nusantara atau dunia Melayu Muslim mesti dikekalkan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaahnya dengan ciri-cirinya demi untuk menjaga kesahihan aqidahnya dan juga kestabilan intelektual dan rohaninya serta menjaga menjaga kesahihan dalam perkembangan, keseragaman dalam pelaksanaan pengamalan Islam dalam menguruskan kehidupan kolektif umat di rantau ini dan berfungsi sebagai asas yang kukuh dan fundamental bagi pembinaan tamadun dan budaya "خیر امة" di rantau ini. Fahaman yang sudah mantap ini tidaklah perlu digangu gugat lagi. Polemik-polemik yang hanya mengungkapkan hujah-hujah lama yang sudah dibahas oleh para ilmuwan Islam yang terdahulu di tempat-tempat lain malah di rantau ini juga, tidak perlu diulang-ulang lagi.

Polemik Sunnah-Syiah misalnya telah berlangsung dalam sejarah Islam sejak lama dulu dan seharusnya tidak dibuka semula di rantau ini semata-mata kerana umat seolah-olah hilang punca dalam mencari penawar dalam menangani kemelut peradaban moden dan pasca moden dewasan ini. Apalah untungnya, mengimport konflik Sunnah-Syiah yang telah sama-sama kita tahu pedih dan pahitnya.

Polemik yang lain yang nampaknya cuba dibuka lembarannya di negara kita khususnya dan di rantau ini umumnya ialah percubaan-percubaan mempertikaikan pemikiran-pemikiran al-Asy'ari dan beberapa tokoh Asya'rah dengan tujuan memisahkan antara Ahli Sunnah dan Asya'rah sekali gus mengeluarkan aliran ini daripada arus perdana ahli Sunnah Wal Jamaah. Persoalan-persoalan sebegini, sama seperti halnya dengan polemik Sunnah-Syiah diatas, sebenarnya telahpun dijawab dengan tuntas oleh ulama-ulama silam yang berwibawa seperti Ibn al-Asakir dan lain-lainnya. Oleh yang demikian, sepatutnya hal-hal yang sudah diselesaikan tidak perlu dibuka semula fail kesnya semata-mata kerana tujuan-tujuan yang kecil manfaatnya tetapi besar pula mudharat akibatnya.

Daripada membazirkan masa dan tenaga dalam mempolemikkan isu-isu yang sudah dibahaskan dan sudahpun diselesaikan oleh para sarjana yang terdahulu, bukankah lebih baik tenaga dan potensi yang ada digembelingkan untuk usaha-usaha konstruktif membangun ummah dengan memanfaatkan segala kekuatan dan upaya serta dinamik yang terkandung dalam kerangka fahaman sunni itu sendiri. Sememangnya telah terbukti bahawa kerangka ajaran Sunni telah mencetuskan dan mentadbirkan beberapa tamadun besar Islam yang terdahulu lalu tidak wajar diragukan keupayaannya untuk menempuh cabaran pembinaan tamadun Islam dewasa ini.

Untuk menambah keberkesanan dan kerelevan pengajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah maka para pendukungnya tidak harus statik dan membeku pada takuk lama dengan menyibukkan diri memerangi golongan yang telah berlalu seperti Jahmiyah, Muktazilah, Jabariyyah, Qadariyyah dan sebagaimanya yang sebenarnya telahpun tiada dalam bentuknya yang tradisional. Kenyataan ini tidak pula mahu menafikan kepentingan memahami pemikiran-penikiran Ahli Sunnah dan kejayaan mereka mematahkan hujah kelompok-kelompok berkenaan. Tetapi yang lebih utama ialah memahami pengajaran-pengajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan memobilisasikannya dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa yang didalangi oleh aliran materialisme dari Barat dengan segala cabang dan alirannya.

Lihat sajalah teladan yang ditunjukkan oleh Imam Al Ghazzali yang berjaya menghadapi persoalan-persoalan zamannya terutama cabaran ilmu falsafah yang menyesatkan dengan menguasai segala cabang ilmu zamannya termasuklah falsafah lalu dihasilkan kitab *Maqasid al-Falasifah*, *Tahafut al-Falasifah* serta *al-Munqiz Min al-Dhol* sehingga aliran-aliran falsafah yang menyesatkan tidak bermaya untuk bangkit selepas penghasilan karja-karya berkenaan. al-Ghazzali walaupun masih belum jauh daripada perbahasan dan polemik Muktazilah-Asya'irah kelihatan tidak memfokuskan isu berkenaan lagi kerana beliau melihat ia kurang relevan lagi untuk dibahaskan.

Sehubungan dengan itu, adalah wajar sekiranya perbincangan-perbincangan berkaitan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dibincangkan dalam konteks semasa dengan mengambil kira isu-isu dan situasi-situasi yang sedang melingkungi umat dengan mengurangkan isu-isu dan persoalan-persoalan yang telahpun tamat atau kurang lagi relevan dalam konteks semasa. Antara isu yang wajar dan sepatutnya dibahaskan dengan tuntas oleh para sarjana dan cendikiawan Islam di negara ini ialah isu perpaduan perpecahan dan kaitannya dengan kerangka ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai penyelesaiannya. Oleh yang demikian coretan ini akan membahaskan dengan secara kasar persoalan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan kaitannya dengan persoalan solidariti umat di negara ini khasnya dan di dunia Islam amnya.

MASALAH PERPECAHAN DAN PRINSIP-PRINSIP AHLI SUNNAH WAL JAMAAH SEBAGAI TENAGA PEMERSATU

Dalam mewujudkan kesatuan dan perpaduan, perlulah terlebih dahulu difahami beberapa punca yang membawa kepada perpecahan serta perkara-perkara yang boleh menguatkan atau mungkin lebih merumitkan masalah bagi perpaduan.

Konflik-konflik dan pertembungan-pertembungan berkenaan yang timbul merupakan suatu aib besar seringkali ditempelak oleh para penulis Barat, antaranya dengan mengatakan bahawa "tamadun mereka yakni orang Islam adalah tamadun yang paling kurang perpaduan berbanding dengan peradaban lain", juga terdapat kenyataan yang menyebutkan bahawa "mereka berperang sesama sendiri lebih daripada orang lain di luar tamaddun mereka"

Konflik-konflik yang memecahkan itu sebenarnya kalau diteliti berpunca antaranya daripada lingkungan faktor-faktor berikut:-

- i) Korupsi dan penyelewengan ilmu;
- ii) Kegagalan membezakan di antara persoalan hak dan batil dengan persoalan betul dan salah;
- iii) Budaya "Convaticiveness" (budaya perang) bukannya budaya dakwah
- iv) Sikap fanatik dan taksub kepada aliran dan pemikiran kelompok sendiri

(i) Korupsi dan Penyelewengan Ilmu

Yang dimaksudkan dengan korupsi dalam ilmu ialah keadaan di mana umat Islam tidak sedar bahawa ilmu yang diterima diselaputi dengan perkara-perkara yang tidak semestinya ilmu yang benar yang telah dicampur-adukkan dengan pendapat yang kabur dan menentang dasar-dasar Islam.

Akibat daripada korupsi ilmu, keruntuhan adab terjadi. Adab dalam Islam sangat berkait dengan al Hikmah (iaitu ilmu yang benar). Oleh kerana itu, adab tidak semata-mata bermaksud etika kesopanan bahkan ia bermaksud faham yang memperkenalkan, memperakui dan meletakkan setiap sesuatu di dalam perspektifkan yang betul serta keperluan seseorang meletakkan dan menyesuaikan diri dengan tempat berkenaan. Susunan kedudukan itu sudah ditentukan Allah dan cara mengenali tempat disebut adab dan hikmah. Oleh itu, semua perkara ada

tempatnya, semua ada susunan kedudukannya. Kalau susunan kedudukan rosak, semua akan bercelaru, sebaliknya kalau kita menempatkan segala hal pada tempatnya, maka kehidupan akan harmonis. Kalau kita tak tahu tempat kita tidak beradab. Kalau ilmu yang benar hilang, adab pun akan ikut menghilang.

Telah berlaku kekacauan dan penyerpihan di dalam sistem ilmu Islam yang membawa kepada wujudnya individu-individu yang kacau dan terserpih personalitinya yang akhirnya membentuk sebuah masyarakat yang kacau dan sumbing. Sumbing dari segi intelektualnya, sumbing dari segi sosialnya, politik, ekonominya dan kebudayaan serta tamadunnya.

Antara penyebab perpecahan dan hilangnya solidariti umat dewasa ini yang paling menonjol dan paling mengkhawatirkan ialah perpecahan yang dinatijahkan oleh penyerpihan ilmu ini yang termanifestasi dalam bentuk "ta'addud al madaris al fikriyyah" iaitu kerencaman aliran pemikiran di kalangan masyarakat Islam yang seterusnya mengakibatkan konflik-konflik yang runcing dan tajam sehingga menenggelamkan inti utama ajaran Islam iaitu keamanan dan perpaduan.

Oleh yang demikian, amatlah perlu ditekankan ajaran dan tasawwur kerangka pemikiran Sunniy yang mengajarkan kedudukan dan order setiap hakikat dan realiti supaya kehidupan umat harmoni dan berjalan dalam suasana yang sebetulnya. Peranan cendikiawan dan alim ulama sebagai paksi perubahan kearah kebaikan perlu dijana dan diperkasakan supaya aspek pendidikan umat dapat berlangsung dengan jaya demi mewujudkan kembali sistem ilmu yang betul dan benar.

(ii) Kegagalan Membezakan Di antara Persoalan Hak dan Betul Dengan Persoalan Betul dan Salah

Korupsi dalam ilmu sebenarnya menyebabkan masyarakat Islam gagal mengenali letak duduk sesuatu persoalan dan antara yang paling menonjol yang menjadi babit perpecahan di kalangan masyarakat Islam ialah kegagalan

membezakan ruang kehidupan dalam bentuk putih-hitam dengan ruang kehidupan yang menerima kepelbagai spektrum warna.

Kegagalan mengenali ruang-ruang kehidupan inilah yang mencetuskan fenomena " takfir " – pelabelan secara sewenangnya saudara-saudara seagama sebagai kafir, murtad, batal syahadahnya dan sebagainya di dalam masyarakat Islam yang amat mengancam perpaduan ummah.

Memang ajaran Ahli Sunnah mengajarkan bahawa ruang kehidupan mempunyai dua ruang iaitu ruang Haq-Batil (Putih-Hitam) dan ruang Betul-Salah (variasi warna-warna iaitu di antara dua hujung yang hitam dan hujung yang putih ada warna-warna lain seperti kelabu dan lain-lain). Ruang Haq-Batil melibatkan persoalan aqidah dan penegasan perkara-perkara Qat'iyyat yang menjelaskan dimensi Islam-Kafir, manakala ruang *Sohih-Khata'* atau betul-salah lazimnya melibatkan perkara-perkara ijtihad di bawah perkara Zonniyyat.

Ahli Sunnah mengajarkan bahawa jangan sesekali mengkafirkan seseorang Islam yang telah berikrar mengucapkan dua kalimah syahadah dan beramal dengan kehendak-kehendaknya, malainkan apabila ia berikrar mengaku sebagai seorang kafir atau mengingkari sesuatu hukum agama yang nyata, mendustakan al-Quran atau memberi tafsiran yang terkeluar dari maksud sebenar syarak atau melakukan sesuatu perbuatan yang jelas membawa kepada syirik dan kufur dalam keadaan penuh sedar dan tahu. Doktrin Ahli Sunnah tidak secara sewenang manafikan keimanan seseorang atau kelompok yang mengucapkan dua kalimah syahadah malah menjelaskan bahawa iman itu ada tingkatan dan parasnya kerana iman itu ada pasang surutnya.

Justeru, amatlah berbahaya sekiranya kehidupan ini hanya dinilai secara simplistik dalam dimensi Iman-Kufur samata-mata tanpa berhati-hati dan tanpa perincian kerana bagi Ahli Sunnah memang kerangka besar kehidupan adalah antara Iman dan kufur tetapi dalam kehidupan juga ada ruangan yang tidak mendesak penggunaan penilaian Hitam Putih berkenaan khususnya dalam peranan manusia

sebagai khalifah pembangunan bumi setelah diakui terlebih dahulu peranannya sebagai hamba penurut dan pelaksana perintah Allah.

(iii) Tersebarnya Budaya "Combativeness" (Budaya Perang)
Bukannya Budaya Dakwah Dan Ukhluwwah

Akibat kehilangan kerangka dimensi Ahli Sunnah yang luas dalam memahami kehidupan maka umat sesama mereka apabila berbeza arah pandangan kehilangan pegangan budaya Qur`aniy iaitu "Ruhama' Baynahum" lalu melayan pihak yang bertentangan seperti musuh di medan perang. Slogan **من ليس من فهو من خصونا** (siapa yang bukan daripada kelompok kami maka ia adalah daripada kelompok musuh kami) menyerap bersebatи dalam amalan masyarakat Islam khususnya dalam hidup kebudayaan.

Rentetan daripada penghayatan slogan ini, masyarakat Islam mula dilanda ribut radikal estrem serta mencetuskan suasana tidak normal, panas membahang dengan emosi yang ditandai dengan ledakan-ledakan ucapan dan tindakan yang di luar daripada ajaran akhlak Islam. Sebahagian kehidupan masyarakat sudah menjadi sebuah dunia perang. Budaya dan bahasa yang digunakan juga adalah budaya perang, prejudis, prasangka buruk, fitnah, umpat keji menjadi sebahagian daripada bahaya amalan malah istilah-istilah perang turut digunakan seperti perang, gempur, tawan, gantung, cantas dan sebagainya bagi menunjukkan bahawa budaya ini sudah bersebatи dalam jiwa masyarakat.

Menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, perbezaan pandangan dan kritikan serta komentar antara pihak yang berbeza terutamanya dalam usaha memperbaiki kualiti umat dan membangunkannya adalah rahmat sekiranya disemangati rasa Ukhluwwah tetapi sebaliknya berpotensi untuk menjadi musibah sekiranya melarat kepada perpecahan dan konflik perseteruan.

اصلاح بين الناس sebenarnya adalah inti utama ajaran sosial ahli Sunnah Wal Jamaah, justeru ia perlu disuburkan di semua peringkat

masyarakat supaya perbezaan persepsi perbezaan pendekatan dan perbezaan ideologi politik dan kelompok tidak seharusnya mengorbankan persaudaraan serta mempertaruhkan masa depan umat Islam sehingga yang memang menjadi arang dan yang kalah menjadi abu.

(iv) Sikap Fanatik Dan Taksub Kepada
Aliran Dan Pemikiran Kelompok Sendiri

Seiringan dengan wujudnya sikap memerangi dan memusuhi sesama masyarakat Islam, faktor yang lain yang turut wujud menyumbang kepada perpecahan ialah adanya sindrom kefanatikan dan ketaksuban secara membata tuli dan berlebihan kepada aliran dan kelompok. Sindrom kefanatikan ini diistilahkan dalam hadis Nabawi sebagai "اعجاب المرء بما يه" - ujud kepada pandangan sendiri. Sindrom inimuncul mungkin disebabkan oleh kedangkalan ilmu sebahagian masyarakat atau mungkin disebabkan wujudkan jurang perbezaan yang luas antara aliran perdana masyarakat yang agak meminggir daripada Islam idealisme kehidupan Islam.

Natijah daripada perkara ini ialah munculnya watak individu mahupun institusi yang jahil tidak menghormati yang alim, yang muda tidak menghormati yang tua, rakyat tidak mematuhi pemerintah, penguasa tidak akur kepada norma dan ketetapan, minority tidak menghormati majority dan sebagainya. Masing-masing mendabik dada sebagai pemonopoli kebenaran mutlak. Tidak ada kesediaan lagi untuk menghormati pendapat kelompok lain.

Masyarakat Islam tidak lagi mewarisi sikap dan adab para sarjana dan ilmuwan Sunniy yang terdahulu yang mempunyai skima Adab Al Iktilaf. Sorotan terhadap sejarah mereka menunjukkan bahawa hasil daripada penghayatan-penghayatan terhadap skima berkenaanlah ialah ungkapan-ungkapan yang melapangkan jiwa dan menjadi syiar pula di kalangan mereka. Umpamanya: "Pendapat ku betul tetapi masih ada kemungkinan untuk salah dan pendapat orang lain adalah salah tetapi masih wujud kemungkinan untuk betul". Juga kata-kata,

"kami bekerjasama dalam hal-hal yang disepakati dan kami boleh berkompromi dengan hal-hal yang diperselisihkan" dan sebagainya.

Renungilah betapa murninya kisah-kisah perbezaan pendapat di kalangan sarjana dengan sarjana, sarjana dengan pemerintah dan lainnya yang terzahir ketika wujudkan penghayatan terhadap ajaran etika dan kerohanian Sunni dan lihatlah pula apa yang terjadi di dalam sejarah Islam apabila ajaran-ajaran berkenaan ditolakke tepi atau dinafikan peranannya, maka tunggang langganglah masyarakat Islam sehingga kisah tragedi yang betul menyayatkan iaitu keruntukah Khalifah Uthmaniyyah adalah diakibatkan oleh ketaksubah tiupan semangat nasionalisme sempat di kalangan umat dengan munculnya seruan-seruan Turkisme, Arabisme dan sebagainya.

Para pemikir – pemerintah kolonialis pula semasa penjajahan dan sebelum meninggalkan tanah jajahannya biasanya meninggalkan benih-benih barah perpecahan dalam pelbagai bentuk seperti mewujudkan keta'suban terhadap pola-pola tertentu seperti sistem pendidikan dualistik, sistem kepartian demokrasi yang bersaing, jurang ekonomi yang meluas antara kaum dan sebagai strategi jangka panjang pengekalan penguasaannya ke atas rantau bekas takluk jajahannya.

Justeru, bagi menghilangkan masalah ini, etika mengislahkan masyarakat dan sistem yang beroperasi di dalamnya serta Adab perselisihan pendapat dan perbezaan pendapat wajar disubur dan diperkasakan di dalam masyarakat. Ajaran Ahli Sunnah mengajarkan bahawa memang elemen negatif dan mungkar daripada sehalus-halusnya kepada yang sebesar-besar perlu dicegah, dibendung dan dipulihkan serta diperbetulkan tetapi apa prosedur-prosedur dan tatacaranya.

Ruang untuk berbeza pendapat dalam usaha pengislahan memang ada dan memang perlu bagi membawa pertumbuhan yang positif kepada masyarakat kerana dengan wujudnya kerencaman dimensi pandangan akan timbulah alternatif-alternatif penyelesaian yang terbaik. Sememangnya perbezaan pendapat tidak dapat dielakkan kerna ia adalah sebahagian daripada Sunnatullah dalam kehidupan

manusia sebagai makhluk berakal dan berfikir. Umat Islam patut memikirkan persoalan bagaimana untuk dapat bekerjasama demi kebaikan hatta ketika berbeza pendapat dan aliran bukannya bagaimana untuk tidak berbeza pendapat.

Perkara yang penting juga untuk difahami ialah taksub dan fanatik yang merosakkan ini tidak pula boleh dikaitkan dengan usaha pengukuhan sesuatu mazhab seperti Asya'irah atau Syafi'iyyah di rantau ini amnya dan di negara ini khususnya kerana usaha memperkasakan dan mengukuhkan mazhab-mazhab berkenaan tidak menafikan polariti pandangan tetapi lebih kepada usaha penyeragaman dan usaha uniformiti bagi memudahkan perpaduan dan merapatkan jurnal perbezaan pegangan dan amalan. Kerana itulah kita dapat usaha menerima pandangan-pandangan daripada mazhab muktabar yang lain seringkali terjadi tetapi proses penerimaannya perlulah dilakukan secara institusi dan secara terancang bukan diserahkan kepada individu-individu atau kelompok tertentu yang tidak punyai autoriti.

Penutup

Sesungguhnya Islam adalah agama pembawa nilai-nilai sosial yang cukup optimis dan realistik; cukup memberi harapan terbinanya masyarakat yang sejahtera, makmur, aman dan bersatu padu. Mengapa tidak sedangkan perpaduan dan penyatuan umat dalam kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah merupakan tuntutan iman dan tauhid. Dasar ikhuwwah Islamiyyah yang berasaskan Iman harus menjadi fokus utama setiap warga yang sedar. Ia bukan semata-mata keperluan dan tuntutan dasar politik pragmatik dan oportunitis bahkan ia adalah paksi dan dasar ajaran agama yang perlu diterapkan di dalam program pembinaan warta negara serta dijana terus menerus.

Setelah kita sama-sama merasai pahitnya perpecahan dan pertelagahan dan kita boleh mengerti kepahitannya juga dengan mengambil iktibar dari rantau-rantau Dunia Islam yang lain, maka adalah wajar dan bijak sekiranya kita mengorak langkah dalam sama-sama mengelakkan bibit-babit dan punca-punca sebagaimana yang diperjelaskan dengan menekuni sebaik mungkin usaha-usaha pemerkasaan sistem Ilmu Sunni, belajar melihat dunia dan kehidupan dengan kaca mata yang positif, matang dan berlapang dada, menggiatkan usaha **اصلاح بين الناس** dan akhirnya belajar menghormati kepelbagaiannya pandangan dan kerencamannya.

Keperluan terhadap perpaduan amat-amat dirasai pada waktu mutakhir ini dalam menghadapi masa-masa seperti sekarang ini, situasi di mana sebahagian umat hidup sebagai kelompok yang tertindas dan tertekan manakala yang sebahagiannya pula tertunggu-tunggu bila masanya meraka akan ditindas dan diceroboh maruah dan kedaulatannya sama ada daripada musuh luar maupun musuh dalaman.


Wallahu A'alam.

اللَّهُمَّ إِنَا نَبْرَا إِلَيْكَ مِنَ الْحَوْلِ وَالْطَّوْلِ، وَنَسأَلُكَ التَّوْفِيقَ لِمَا تَرْضَاهُ مِنِ
الْفَعْلِ وَالْقَوْلِ، وَنَعُوذُ بِكَ أَنْ نَتَكَلَّفَ مَا لَا نَحْسُنُ، أَوْ نَقُولَ مَا لَا نَعْلَمُ، أَوْ أَنْ
نَتَخَذَ الْعِلْمَ بِضَاعَةً، أَوْ الدِّينَ صِنَاعَةً، رَبِّنَا لَا تَؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِيْنَا أَوْ أَخْطَأْنَا، رَبِّنَا
وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا.

BIODATA

SAHIBUS SAMAHAH

MUFTI KERAJAAN NEGERI KELANTAN



Biodata Keluarga

Nama : DATO' HAJI MOHAMAD SHUKRI BIN MOHAMAD

Tempat Lahir : KOTA BHARU, KELANTAN

Tarikh Lahir : 17 SEPTEMBER 1945

Pendidikan

Menengah : MAAHAD MUHAMMADI KOTA BHARU, KELANTAN (1968)

Pendidikan Tinggi : i) YAYASAN PENGAJIAN TINGGI ISLAM NILAM PURI, KELANTAN (1972)

ii) UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR (1974)

Anugerah / Pingat Kecemerlangan Dan Ketokohan

DIKURNIAKAN DARJAH AHLI YANG KEDUA (DATO' PADUKA) BAGI DARJAH KEBESARAN SETIA MAHKOTA KELANTAN YANG AMAT TERBILANG (D.P.S.K) OLEH KDYMM AL-SULTAN TAHUN 1991

Tauliah

- a) AHLI MAJLIS PENASIHAT RAJA KELANTAN (MPR) (1996 HINGGA SEKARANG)
- b) AHLI MAJLIS PERAJAAN NEGERI KELANTAN (MPN) (2009 HINGGA
- c) AHLI JAMAAH PENGAMPUNAN NEGERI KELANTAN

Penglibatan Dalam Bidang Akademik Dan Penerbitan

- a) PENGURUS JAWATANKUASA PENERBITAN MAIK (1990 HINGGA SEKARANG)
- b) AHLI LEMBAGA YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK) (1996 HINGGA SEKARANG)
- c) AHLI JAWATANKUASA MAJLIS PENGAJIAN YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK)
- d) AHLI MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
- e) AHLI JAWATANKUASA TEKNIKL KANUN JENAYAH SYARIAH (II) KELANTAN 1993
- f) AHLI JAWATANKUASA PANEL PAKAR SYARIAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) (2005 HINGGA SEKARANG)
- g) AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN TEKS AL-QURAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)
- h) PENASIHAT MAJALAH PENGASUH MAIK